

02 DEC 1996

JABATAN PENERANGAN PERLU KEKALKAN KOMUNIKASI BERSEMUKA

KUALA LUMPUR, 2 Dis (Bernama) -- Jabatan Penerangan perlu mengekal serta meningkatkan komunikasi secara bersemuka dengan orang ramai dalam menyebarkan maklumat walaupun dalam suasana maklumat boleh diterima daripada alat komunikasi yang canggih.

Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan, Datuk Zawawi Mahmuddin berkata, kaedah itu perlu dikekalkan kerana tidak semua rakyat mampu memperolehi maklumat daripada alat-alat canggih seperti Internet.

Jabatan Penerangan perlu mencari pendekatan yang berkesan untuk meningkatkan komunikasi bersemuka iaitu berjumpa, berbual dan menjelaskan maklumat-maklumat kepada orang ramai secara terus, katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Kualiti Jabatan Penerangan di sini, hari ini.

Zawawi juga berkata kerajaan sentiasa memberi peruntukan yang mencukupi kepada jabatan itu dalam usahanya menyebarkan seberapa banyak maklumat kepada rakyat.

Terdahulu, Zawawi melancarkan tiga buah buku terbitan jabatan berkenaan iaitu 50 Tahun Penerangan, Koleksi Ucapan Mahathir dan Rancangan Malaysia Ketujuh: Teras Mencapai Negara Maju.

Beliau turut melancarkan tiga buah van dan sebuah bas baru selain menyampaikan sijil persaraan dan sijil khidmat lama kepada 15 kakitangan jabatan itu. -- BERNAMA

BD AKD